

HELAIAN MAKLUMAN PRODUK

(Sila baca dan fahami Helaian Makluman Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon Pembiayaan Pelajaran-i bersama Maybank Islamic (Tidak Bercagar). Pastikan anda juga membaca terma am dan syarat surat tawaran. Sila dapatkan penjelasan daripada institusi sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian di dalam dokumen ini)

NAMA PRODUK:**PEMBIAYAAN PELAJARAN-i (TIDAK BERCAGAR)****TARIKH:**

[Tarikh ini untuk diisi oleh Staf Jualan]

1. Apakah produk ini?

Pembiayaan Pelajaran-i adalah kemudahan pembiayaan patuh Shariah yang menyediakan bantuan kewangan kepada pelajar yang berkecukupan untuk membiayai sepenuhnya atau sebahagian yuran pengajian untuk program Ijazah Sarjana Muda atau Ijazah Sarjana di universiti tempatan & luar negara yang terpilih berdasarkan program dan universiti yang diluluskan oleh kami.

2. Apakah konsep Shariah yang digunakan?

Kontrak Shariah yang digunakan untuk produk ini ialah Murabahah (kos berserta keuntungan) melalui konsep Tawarruq (Komoditi Murabahah). Ia adalah kaedah jualan di mana kos dengan harga penambahan adalah diketahui oleh anda di mana anda membayar harga dalam tempoh masa yang dipersetujui. Aset yang mendasari urusan jualan adalah komoditi khusus patuh Shariah yang boleh diniagakan.


- Mengikut pembiayaan secara Komoditi Murabahah, kami memperoleh/membeli komoditi patuh Shariah daripada pihak ketiga (Peniaga Komoditi 1) atas permintaan anda.
- Kami kemudiannya menjual komoditi kepada anda dengan Harga Jualan Bank yang terdiri daripada harga komoditi campur margin/keuntungan kami. Anda membayar secara berjangka dalam tempoh masa yang dipersetujui.
- Anda kemudiannya melantik kami sebagai wakil untuk menjual komoditi kepada pihak ketiga (Peniaga Komoditi 2) untuk meraih wang.
- Sebagai wakil anda, kami kemudiannya menjual komoditi kepada pihak ketiga (Peniaga Komoditi 2) pada harga yang bersamaan dengan jumlah pembiayaan.
- Hasil penjualan komoditi tersebut akan diremit kepada anda, penjual atau pihak berkepentingan mengikut terma dan syarat kemudahan.

Untuk transaksi Komoditi Murabahah di bawah kemudahan ini, pada setiap masa kami menjadi ejen bagi pihak anda, dalam melaksanakan transaksi Komoditi Murabahah yang berkaitan dengan kemudahan ini.

3. Apakah Kadar Asas Islamik (KAI)?

Kadar Asas Islamik (KAI) adalah selaras dengan Rangka Kerja Kadar Rujukan baru yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan ia menggantikan Kadar Pembiayaan Asas (KPA) sebagai kadar harga pembiayaan runcit yang berkuatkuasa 2 Januari 2015. Di bawah rangka kerja baru ini, kami akan hanya menggunakan kos pembiayaan sebagai penanda aras untuk menentukan kadar asas kami. KAI kami dikira berdasarkan kos purata dana Maybank Islamic Berhad. KAI akan diselaraskan apabila terdapat perubahan pada dasar monetari contohnya perubahan Kadar Dasar Semalaman (KDS) serta sebarang perubahan dalam keadaan pendanaan contohnya perubahan pada Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR).

4. Sejarah penanda aras kos dana (COF) untuk 2 tahun yang lalu



5. Apakah yang dapat saya perolehi dari produk ini?

No	Ciri - Ciri	Penerangan
(a)	Jumlah Kemudahan	Minimum: RM10,000 Maksimum: RM150,000 (Tidak termasuk perlindungan takaful/insurans)
(b)	Kadar Keuntungan Siling (KHS)	Kadar pengiraan untuk Kadar Harga Siling (KHS) pada masa kelulusan pembiayaan. KHS juga dikira sebagai harga siling. KHS dikira sebagai $KAI^* + 7.65\%$ setahun atau 10.0%, yang mana lebih tinggi. * Kadar Asas Semasa (KAI) : 1.75%
(c)	Margin Pembiayaan (MOF)	Sehingga 105% termasuk takaful
(d)	Kadar Keuntungan Efektif	<ol style="list-style-type: none"> Kadar Asas Islamik (KAI) + 4.05% (Semasa tempoh pengajian dan penangguhan) - Bayaran keuntungan sahaja. Kadar Asas Islamik (KAI) + 4.75% (Tahun berikutnya) - Ansuran bulanan (termasuk prinsipal dan untung) <p>Kadar Asas Islamik (KAI) adalah 1.75% berkuatkuasa dari 09 Julai 2020</p>
(e)	Tempoh	Sehingga 15 tahun/umur 50 tahun pada akhir tempoh kemudahan, yang mana lebih awal.
(f)	Pembayaran Pembiayaan	<p>(A) <u>Semasa Tempoh Pengajian dan Penangguhan Bayar Keuntungan</u> :</p> <p>Semasa tempoh pengajian, anda dikehendaki untuk membayar ansuran keuntungan pada hari pertama setiap bulan sehingga berakhirnya tempoh pengajian ditambah enam (6) bulan (Tempoh Penangguhan).</p> <p>(B) <u>Selepas Tempoh Penangguhan</u></p> <p>Pembayaran pembiayaan akan bermula sebaik sahaja mula bekerja atau selepas tamatnya Tempoh Penangguhan, yang mana terawal.</p>
(g)	Syarat pemohon bersama	<ol style="list-style-type: none"> Maksimum 3 pemohon bersama (tidak termasuk pemohon utama) yang terhad kepada ahli keluarga terdekat. Berumur 21 tahun dan tidak melebihi 70 tahun pada akhir tempoh pembiayaan.

6. Apakah tanggungjawab saya?

Anda hendaklah memastikan bayaran ansuran bulanan dibayar pada setiap bulan.
Ansuran bulanan anda ialah RM 1,646
Jumlah bayaran pada akhir 10 tahun adalah RM230,629

Komponen	KAI = 1.75%	Jika KAI meningkat 1%: KAI = 2.75%	Jika KAI meningkat 2%: KAI= 3.75%
Ansuran bulanan	RM1,646	RM1,724	RM1,804
Jumlah kos keuntungan pada akhir tahun 15	RM80,629	RM94,464	RM108,558
Jumlah bayaran keseluruhan pada akhir tahun 15	RM230,629	RM244,464	RM258,558

Pengiraan atas adalah berdasarkan andaian seperti berikut :

- Jumlah kemudahan : RM 150,000
- Tempoh kemudahan : 15 tahun
- Tempoh pengajian : 4 tahun dan tambahan 6 bulan penangguhan bayaran

Nota: Jumlah ansuran bulanan dan jumlah bayaran mungkin berbeza tertakluk kepada perubahan KAI, dengan notis bertulis kepada anda 21 hari kalendar sebelum tarikh pelaksanaan, mengakibatkan penambahan dalam bayaran bulanan atau pemanjangan dalam tempoh pembayaran. Jika KAI berubah, Kadar Keuntungan Efektif akan berubah tetapi tidak melebihi Kadar Harga Siling

7. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

**Duti Setem :
Akta Setem 1949 (pindaan 1989)**

- Surat Tawaran (3 salinan): RM30

Jika terdapat perubahan yuran dan caj, notis akan diberi kepada anda tidak kurang dari dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh pelaksanaan.

8. Bagaimana sekiranya saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

▪ Caj Lewat Bayar

Kami akan menuntut pampasan atas bayaran lewat dan tertunggak, mengikut cara pengiraan berikut:

I. Bayaran Tertunggak

Sekiranya anda gagal membayar sebarang amaun tertunggak dari tarikh kemudahan di keluarkan sehingga tarikh matang, Caj Lewat Bayar akan dikenakan sebanyak 1% setahun akan dikenakan ke atas amaun yang tertunggak.

II. Apabila Matang

Kadar Pasaran Kewangan Interbank Islam akan dikenakan di atas kegagalan membayar jumlah baki pembiayaan selepas tempoh matang atau sehingga penghakiman, yang mana terdahulu.



	<p>Walaupun bagaimanapun, Caj Lewat Bayar yang dikenakan tidak akan dikompaun ke atas baki Jumlah Kemudahan.</p>
<ul style="list-style-type: none">▪ Tindakan undang-undang	<p>Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda:</p> <ul style="list-style-type: none">• Gagal membuat bayaran ansuran.• Gagal untuk membalas notis peringatan.• Tindakan undang-undang yang diambil ke atas anda boleh menyebabkan anda menghadapi kesukaran atau dikenakan caj yang mahal untuk memohon pembiayaan yang baru. <p>Notis akan diberikan kepada anda terlebih dahulu sebelum sebarang tindakan undang-undang diambil terhadap anda.</p>
<ul style="list-style-type: none">▪ Kadar Kemungkiran	<p>Untuk pembiayaan berjangka, bayaran untuk pembiayaan ini adalah mengikut bulanan, suku tahunan, setengah tahun, tahunan atau pembayaran sekaligus, dimana kami berhak menaikkan keuntungan margin dari kadar keuntungan kepada kadar kemungkiran untuk dikenakan ke atas jumlah yang tertunggak, atau kadar keuntungan lain dimana kami akan menetapkan sendiri atau atas budi bicara pihak kami dari semasa ke semasa, jika pembayaran tertunggak dan tidak dibayar selama tiga (3) bulan berturut dari hari pertama kemungkiran (dengan notis bertulis diberikan terlebih dahulu).</p> <p>Dengan syarat bahawa kenaikan itu tidak akan menyebabkan jumlah pembayaran keseluruhan melebihi harga jualan bank. Kadar keuntungan kemungkiran akan ditukar semula kepada kadar keuntungan efektif semasa setelah semua tunggakan telah dibayar sepenuhnya.</p>
<ul style="list-style-type: none">▪ Tolak-selesai	<p>Pihak kami berhak menolak selesai (dengan 7 hari kalendar notis bertulis diberikan terlebih dahulu) mana-mana baki kredit dalam akaun anda yang dibuka dengan kami untuk membayar mana-mana jumlah tertunggak yang melibatkan kemudahan ini.</p>
<ul style="list-style-type: none">▪ Syarat Khusus	<p>Sekiranya kemudahan pembiayaan yang diberikan oleh kami adalah kurang daripada 100% daripada jumlah yuran pengajian yang dinyatakan dalam invoice yang dikeluarkan oleh Institusi Pendidikan Tinggi/ Universiti / Kolej, anda hendaklah:</p> <ul style="list-style-type: none">• Mendepositkan ke dalam akaun yang ditetapkan (tanpa buku cek) jumlah yang bersamaan dengan perbezaan antara jumlah yuran pengajian seperti yang dinyatakan di dalam invoice dari Universiti / Kolej dengan jumlah pembiayaan (tidak termasuk Sumbangan Takafu "Jumlah Perbezaan"); dan• Mengeluarkan surat arahan tidak boleh batal yang memberi kuasa kepada kami untuk menolak daripada akaun yang ditetapkan, pembayaran "Jumlah Perbezaan", secara berperingkat dari semasa ke semasa, seperti pembayaran kos pengajian, sebagaimana yang ditetapkan oleh Universiti / Kolej.

9. Bagaimana sekiranya saya membuat penyelesaian sepenuhnya ke atas pembiayaan ini sebelum tarikh ia matang?

Kami akan memberi rebat (*Ibra'*) kepada anda dalam, tetapi tidak terhad kepada, situasi-situasi berikut:

- (a) Anda membuat penyelesaian awal atau penebusan awal, termasuk bayaran terdahulu;
- (b) Sekiranya ansuran bulanan berlaku awal sebelum berakhirnya tempoh tangguh keuntungan (bagi pembayaran secara berperingkat);
- (c) Sekiranya kadar keuntungan efektif lebih rendah dari kadar keuntungan siling; dan
- (d) Sekiranya jumlah sebenar pengeluaran adalah lebih rendah daripada Jumlah Kemudahan.

Rebat-rebat tersebut tidak boleh dianggap sebagai rebat tunai yang perlu dibayar kepada kamu, tetapi sebagai penolakan dari elemen keuntungan pada Harga Jualan Bank bagi pembiayaan tersebut. Rebate tersebut hanya akan diberikan selepas kami menerima jumlah penyelesaian/penebusan berdasarkan formula berikut:

Baki Harga Jualan	Tolak	Baki Kemudahan	Tolak	Amaun Lain Yang Perlu Dibayar Kepada Bank
----------------------	--------------	-------------------	--------------	----------------------------------------------

Anda boleh merujuk laman web kami di www.maybank2u.com.my ("M2U") untuk contoh ilustrasi mengenai pengiraan dan penyelesaian berdasarkan formula rebate (*Ibra'*).

Pergi ke [Home](#) > Announcements > Bank Negara Malaysia's Guideline on *Ibra'* (Rebate) for Sale-Based Financing.

10. Adakah saya memerlukan perlindungan takaful?

- Anda digalakkan untuk mengambil perlindungan takaful sekiranya berlaku kematian dan kecacatan kekal.
- Caruman takaful atas sumbangan tunggal bergantung kepada jumlah pembiayaan, umur dan jantina.
- Anda adalah disyorkan untuk mengambil perlindungan takaful daripada pengendali panel takaful kami (Etiqua Family Takaful Berhad) atau mana-mana panel takaful yang diluluskan oleh kami.

11. Bolehkah saya memilih untuk penyerahan secara fizikal komoditi tersebut? Apakah kos yang terlibat?

Anda boleh memilih untuk penyerahan secara fizikal komoditi tertakluk kepada terma dan syarat oleh kami. Semua kos berkaitan dengan arahan anda untuk penyerahan secara fizikal komoditi tersebut perlu ditanggung oleh anda.

12. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada maklumat untuk menghubungi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami mengenai sebarang pertukaran maklumat untuk menghubungi anda bagi memastikan anda menerima semua surat-menyurat tepat pada masanya. Untuk mengemaskini maklumat perhubungan anda, sila hubungi mana-mana cawangan Maybank atau Maybank Islamic yang berdekatan dengan anda.

Notis, peringatan, penyata pembiayaan dan surat-menyurat berhubung dengan kemudahan ini akan dihantar dalam bentuk digital melalui M2U Untuk tujuan ini, anda perlu mengekalkan perkhidmatan dalam talian Maybank2u sepanjang tempoh pembiayaan dan sentiasa menyemak peti masuk M2U dengan berhati-hati.

13. Di mana saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?

- Jika anda mempunyai masalah untuk membuat bayaran ansuran bulanan, anda harus menghubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan pilihan-pilihan yang ada. Kami boleh dihubungi di:

Maybank

Cawangan : _____
 Alamat : _____
 Tel/Fax : _____ Email : _____

- Sebagai pilihan, anda juga boleh mendapatkan nasihat daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang telah ditubuhkan oleh BNM untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pembiayaan secara percuma kepada individu.

Untuk membuat pertanyaan, sila hubungi :

Tingkat 8, Maju Junction Mall
 1001, Jalan Sultan Ismail
 50250 Kuala Lumpur
 Tel: 03-26167766
 E-mail : enquiry@akpk.org.my

- Jika anda ingin membuat sebarang aduan mengenai produk atau perkhidmatan kami, anda boleh menghubungi kami di:

Maybank
Khidmat Pengurusan Maklumbalas Pelanggan
Tingkat 28, Menara Maybank
100 Jalan Tun Perak
50050 Kuala Lumpur
Talian Utama: 03-20748075
Email: cfm@maybank.com.my

- Jika pertanyaan dan aduan anda tidak dapat diselesaikan oleh pihak kami, anda juga mempunyai pilihan untuk menghubungi BNM LINK atau TELELINK di:

Block D, Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5465
Fax: 03-2174 1515
Email : bnmtelink@bnm.gov.my

14. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

- Anda boleh kunjungi Retail Financing, Consumer Finance, atau hubungi kami di talian 03-2070 8833, cawangan Maybank atau hubungi khidmat pelanggan di talian 1300-88-6688.

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA GAGAL MEMBAYAR PEMBIAYAAN PELAJARAN-i ANDA.

Maklumat yang disediakan di dalam helaian ini sah dari **Januari 2021**.

Pengakuan Pelanggan : Saya mengakui telah membaca dan memahami kandungan Helaian Makluman Produk ini.

Pemohon: **Pemohon Bersama 1:** **Pemohon Bersama 2:** **Pemohon Bersama 3:**

Tandatangan: Tandatangan: Tandatangan: Tandatangan:

Nama: Nama: Nama: Nama:

No. KP: No. KP: No. KP: No. KP: